

**REALISME DALAM CERPEN-CERPEN DUA PENULIS MAHUA DI
MALAYSIA**

YAU CHEE THENG

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA**

(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran penulis karya Mahua melalui penelitian persoalan dan realiti hidup masyarakat Cina di Malaysia yang dicerminkan dalam karya cerpen Mahua. Sebanyak 75 buah cerpen karya iaitu karya oleh Tuo Ling sebanyak 34 buah dan Yun Lifeng sebanyak 31 buah telah dianalisis. Analisis teks berpandukan Teori Cerminan Lukacs dilaksanakan untuk menganalisis, mengupas plot perwatakan cerpen dari aspek budaya, pendidikan, ekonomi dan politik. Dapatan kajian dilaporkan secara deskriptif. Didapati aspek yang paling kerap diperbincangkan melalui cerpen kedua-dua penulis adalah aspek budaya manakala politik kurang dipaparkan. Dalam aspek budaya, penekanan diberikan kepada pendidikan, dunia kewanita dan pengaruh nilai Konfusianisme dalam masyarakat Cina. Gejala sosial yang dipaparkan adalah perjudian, pelacuran dan amalan rasuah. Selain itu, persoalan Bahasa Melayu, masalah guru sandaran dan pendidikan Sekolah Persendirian Cina diperbincangkan dalam aspek pendidikan. Aspek ekonomi pula memaparkan persoalan golongan wanita dalam kerjaya dan penindasan golongan buruh dalam masyarakat Cina. Amalan rasuah dalam kempen pilihan raya dan masalah perkauman akibat peristiwa 13 Mei dicerminkan dalam aspek politik. Berdasarkan kajian ini, Tuo Ling dan Yun Lifeng boleh dianggap sebagai penulis Mahua realis berdasarkan konsep cerminan Lukacs. Karya cerpen kedua-dua penulis Mahua tersebut mempunyai unsur-unsur realisme dan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh masyarakat Cina di Malaysia telah digambarkan secara objektif. Kajian ini merupakan satu percubaan untuk menjalankan kaedah penyelidikan yang sistematik dan saintifik agar menyumbang kepada bidang penyelidikan sastera Mahua tempatan yang dikritik sebagai bertaburan dan kurang sistematik. Implikasi kajian ini telah memberi pengetahuan dan kefahaman yang lebih mendalam tentang keprihatinan penulis cerpen Mahua di Malaysia secara umumnya.

REALISM IN THE SHORT STORIES OF TWO MAHUA AUTHORS IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study is to identify and verify the issues of Malaysian Chinese community reflected in the Mahua short stories and connected the Mahua short stories issues with the real life society. This study also aims to identify the writers' thoughts of concern in their Mahua short stories. A total of 75 short stories written by Tuo Ling and Yun Lifeng which are 34 and 31 respectively. Text analysis approach based on the Lukacs' Reflection Theory is applied to analyze, criticize characters and plot in the cultural, educational, economical and political aspects. The findings are discussed descriptively in this study. The results showed that culture was the most frequently discussed aspect, while the politics was the least emphasized in the short stories of both authors. In the culture aspect, emphasis is given to education, womanhood and the influences of Confucianism value in the Chinese society. Some negative social phenomena are reflected in the stories such as issues of gambling, prostitution and corruption are described in the stories. In addition, the Malay language issue, shortage of teachers and the Chinese Independent High School education are also reflected in the educational aspect. As for economical aspect, issues like the discrimination against women and blue-collar workers in the workplace are mentioned. Besides, corruptions in election campaigns, the issues of the May 13, 1969 incident are reflected in the political aspect. Based on the findings, Tuo Ling and Yun Lifeng should be considered as Mahua realist writers according to Lukacs' Reflection concept. Their short stories consist of realism elements and had reflected objectively about the real issues faced by the Malaysian Chinese community. This research is an attempt to carry out a systematic and scientific research method as to contribute to the Mahua literature research which is criticized as scattered and unsystematic. The implications of this study was to provide a deeper knowledge and a better understanding about the concerns of Mahua short story writers' concern in Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Batasan Kajian	14
1.7 Definisi Operasional	24
1.7.1 Realisme	24
1.7.2 Cerpen	25

1.7.3	Mahua	26
1.8	Rumusan	28
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	29
2.1	Pendahuluan	29
2.2	Kajian-kajian Lepas	30
2.2.1	Aliran Realisme dalam Sastera Mahua	30
2.2.2	Kajian-kajian terhadap Tuo Ling dan Yun Lifeng	36
2.2.3	Kajian-kajian tentang Tema dan Persoalan dalam sastera Mahua	41
2.3	Rumusan	44
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	45
3.1	Pendahuluan	45
3.2	Kerangka Kajian	46
3.3	Kaedah Kajian	47
3.4	Kaedah Kualitatif	48
3.5	Kaedah Analisis Teks	48
3.6	Kaedah Perpustakaan	50
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	51
3.7.1	Pembacaan Data	51
3.7.2	Pemilihan Data	51

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
	3.7.3 Pembahagian Data	52
	3.8 Kerangka Teori	52
	3.8.1 Teori Sastera	53
	3.8.2 Aliran Realisme	54
	3.8.3 Kritikan Realisme	56
	3.8.4 Aliran Realisme dalam Kesusasteraan Cina	57
	3.8.5 Aliran Realisme dalam Sastera Mahua	58
	3.9 Konsep Teori Cerminan Lukacs	60
	3.10 Rumusan	63
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	64
	4.1 Pendahuluan	64
	4.2 Latar perkembangan masyarakat Cina dari aspek politik, ekonomi, budaya dan pendidikan	65
	4.3 Persoalan Dalam Cerpen-cerpen Tuo Ling	74
	4.3.1 Pendidikan	75
	4.3.1.1 Isu Bahasa Melayu	76
	4.3.1.2 Isu Sekolah Persendirian Cina	85
	4.3.1.3 Kelemahan Sekolah Di Luar Bandar	86
	4.3.1.4 Sindiran Di Sekolah	88
	4.3.2 Ekonomi	90
	4.3.2.1 Nasib Wanita Dan Kanak-kanak Yang Tidak Terbela	91
	4.3.2.2 Pengaruh Ekonomi Terhadap Tingkah Laku Manusia	93
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	4.3.2.3	Arus Pembangunan Semakin Melenyapkan Ciri-ciri Perkampungan	95
	4.3.2.4	Koperasi Dan Pengaruhnya	96
	4.3.3	Budaya	97
	4.3.3.1	Dunia Wanita	98
	4.3.3.2	Masyarakat Cina Yang Mementingkan Hubungan	99
	4.3.3.3	Penghijrahan Desa-Bandar Yang Kian Menjadi-jadi	102
	4.3.3.4	Perkauman	104
	4.3.3.5	Gejala Sosial	107
	4.3.3.6	Majikan Yang Bertimbang Rasa	125
	4.3.3.7	Orang Kenamaan Yang Bermuka Dua	127
	4.3.3.8	Sikap Tamak Dan Padah Buruknya	131
	4.3.3.9	Masalah Imigrasi	135
	4.3.4	Politik	137
	4.3.4.1	Penyelewengan Dalam Kempen Pilihan Raya	137
	4.3.4.2	Niat Ahli-ahli Politik Yang Terpendam	139
	4.3.4.3	Idealisme Dan Perjuangan Politik	142
	4.4	Persoalan Dalam Cerpen-cerpen Yun Lifeng	147
	4.4.1	Pendidikan	147
	4.4.1.1	Isu Bahasa Melayu	148
	4.4.1.2	Masyarakat Cina Yang Mementingkan Pendidikan	154

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
	4.4.1.3 Masalah Perubahan Dasar Pendidikan	156
	4.4.2 Ekonomi	159
	4.4.2.1 Gaji Dan Kebajikan Yang Rendah Dalam Bidang Perguruan	159
	4.4.2.2 Status Ekonomi Kaum Wanita Yang Tidak Terbela	160
	4.4.2.3 Golongan Pekerja Kolar Biru Yang Tidak Terbela	162
	4.4.3 Budaya	166
	4.4.3.1 Budaya Materialistik	166
	4.4.3.2 Dunia Wanita	168
	4.4.3.3 Budaya Judi Dan Pertaruhan	175
	4.4.3.4 Budaya Mempercayai Tukang Tilik	188
	4.4.3.5 Perkauman	193
	4.4.3.6 Pengaruh Ajaran Konfusianisme Dalam Masyarakat Cina	197
	4.4.3.7 Gejala Sosial	200
	4.4.3.8 Budaya Migrasi	209
	4.4.3.9 Hubungan Persaudaraan Kaum Cina	212
4.5	Perbandingan Persoalan Antara Cerpen Tuo Ling Dan Yun Lifeng	216
	4.5.1 Politik	216
	4.5.2 Pendidikan	218
	4.5.3 Ekonomi	221
	4.5.4 Budaya	224

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	4.6	Kepentingan Perbandingan Antara Persoalan-Persoalan Cerpen Tuo Ling Dan Yun Lifeng	231
	4.7	Rumusan	235
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN		237
	5.1	Pendahuluan	237
	5.2	Perbincangan Kajian	238
	5.2.1	Kekurangan Cerpen Tuo Ling dan Yun Lifeng	239
	5.2.2	Kesesuaian Aplikasi Teori Cerminan Lukacs Dalam Cerpen Tuo Ling dan Yun Lifeng	243
	5.3	Implikasi Kajian	247
	5.4	Rumusan	248
	5.5	Cadangan	250
RUJUKAN			252
LAMPIRAN			262

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Cerpen Tuo Ling	15
1.2	Senarai Cerpen Yun Lifeng	19
4.2	Jumlah Persoalan Dalam Karya Cerpen Tuo Ling	71
4.3	Jumlah Persoalan Dalam Karya Cerpen Yun Lifeng	71
4.4	Aspek dan Persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam Cerpen-cerpen Tuo Ling	72
4.5	Aspek dan Persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam Cerpen-cerpen Yun Lifeng	73



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian	46
3.2	Kerangka Teori	52
4.1	Persoalan Dalam Karya Cerpen Tuo Ling Dan Yun Lifeng	70



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian

Karya sastera Mahua merupakan karya sastera dalam bahasa Cina yang ditulis oleh penulis kaum Cina di Malaysia. Istilah “Mahua” (马华) ialah singkatan daripada perkataan Cina yang bermaksud “kaum Cina di Malaysia”. “Ma” (马) bermaksud Malaysia manakala “hua” (华) bererti kaum Cina. Secara umumnya, sastera mahua merujuk kepada hasil karya sastera Cina oleh penulis Cina di Malaysia. Pandangan mengenai definisi sastera Mahua dan perkembangannya menurut Chong Fah Hing (2002), perkembangan cerpen Mahua sesungguhnya berhubung rapat dengan tradisi penulisan aliran realisme serta pengaruh modenisme Barat yang ditionghuakan. Secara tak langsung, perkembangan tersebut boleh difahami sebagai respon intelektual para

penulis Mahua terhadap kedudukan dan gejala sosio-politik, sosio-ekonomi dan sosio-budaya tanah air serta impak ke atas komunitinya. Senario tersebut telah menentukan nada dan kecenderungan pemilihan tema dan pemikiran di kalangan penulis Mahua sepanjang empat dekad yang lampau. ” Dalam kajian pengkaji Cina Australia Zhuang Weijie, beliau menganggap sastera-sastera Cina seberang laut (di luar rantau China Raya) misalnya sastera Mahua lebih sesuai digelar sebagai sastera alternatif atau sastera pinggiran. Walaupun penulisan sastera Mahua adalah dalam bahasa Hanyu, akan tetapi ia bukan sebagai hasil karya asli dari China dan juga tidak bersamaan dengan sastera Melayu di Malaysia. . Sastera Mahua lebih dianggap sebagai penulisan sastera hibrid yang cuba mengatasi had dari segi bahasa, perkauman, agama, masyarakat dan negara. Ciri-ciri “Hybridity” dalam sastera Mahua telah menjadinya untuk pembentukan kebudayaan sastera yang ketiga.

Secara spontannya, sejak penghijrahan dari negara China, dari generasi ke generasi, penulis Mahua menyelitkan “unsur Nanyang” ke dalam hasil karya mereka berlatarkan Tanah Melayu. Pada bulan Januari 1927, satu ruangan sastera yang terkandung dalam *Xin Guo Min Ri Bao* (新国民日报) yang berjudul “*Huang Dao*” (荒岛) telah diterbitkan. Artikel ini bertujuan untuk menggambarkan ciri keistimewaan dan kehidupan sebenar di Nanyang. Pengarang utama “*Huang Dao*” (荒岛) iaitu Zhang Jinyan (张金燕) merupakan salah seorang pengarang tempatan yang begitu unik dalam sejarah awal sastera Mahua. Zhang sendiri pula pernah mengakui bahawa beliau sebagai seorang penulis tempatan Mahua, tetapi beliau tidak pernah dipengaruhi oleh ideologi “Kechinaan”. Karya sastera Mahua pada masa itu biasanya mendapat inspirasi daripada masyarakat negara China, manakala

karya-karya yang banyak menggambarkan kehidupan masyarakat Cina tempatan adalah sangat kurang. Akan tetapi, karya-karya dalam “*Huang Dao*” (荒島) bukan sahaja bertemakan cara hidup di Nanyang, malah hasil karya tersebut juga banyak menggunakan bahasa lisan tempatan, dialek atau bahasa Melayu. Justeru, gaya hasil karya tersebut adalah sangat berbeza dengan karya yang lain dan ini telah menarik perhatian serta kepujian daripada ramai pembaca kerana kesusasteraan Mahua tidak pernah wujud gaya penulisan sedemikian.

Penggunaan bahasa lisan dalam karya “*Huang Dao*” (荒島) telah membayangkan cara hidup ala-Nanyang. Penambahan sedikit sebanyak bahasa Melayu dalam artikel telah menunjukkan identiti tempatan. Walau bagaimanapun beliau bukan sengaja hendak meninggalkan kedudukan sampingan pada kesusasteraan China demi mengusahakan gaya penulisan tersendiri. Menurut Yang Quee Nee, golongan penulis yang asalnya daripada ruangan “*Huang Dao*” (荒島) lebih menitikberatkan penulisan kreatif genre cerpen. Mereka berusaha sedaya upaya menulis karya-karya yang bercorak Nanyang dengan mengambil persoalan kehidupan setempat. (Yang Quee Nee, 2000)

Sering kali penulis Mahua dikatakan banyak menceritakan isu-isu semasa yang berkaitan dengan negara China di peringkat awal, kemudian lebih menekankan kehidupan dan cabaran kaum Cina di Tanah Melayu. Fenomena peralihan fokus persoalan dalam karya sastera Mahua dari negara China ke Tanah Melayu ini merupakan isu yang tidak diabaikan dalam perkembangan sejarah sastera Mahua.

Pengkaji sastera Mahua berbangsa Jepun ini, Prof. Arai Shigeo (1999) dalam kajian yang berjudul “*Sastera Cina Malaya: Proses perjalanan sanubari secara Mahua*” (马来亚华文文学马华化的心理路程) berpendapat bahawa kewujudan unsur realisme tempatan dalam kesusasteraan Mahua merupakan suatu proses pengiktirafan tanah air sebagai negara sendiri yang dikemukakan oleh pengarang atau intelek Mahua secara perlahan-lahan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pada pendapat Arai Shigeo, realisme dalam sastera Mahua adalah satu istilah yang digunakan untuk menggambarkan fenomena sastera Mahua yang telah berakar umbi dan berkembang melar di Tanah Melayu pada ketika itu.

Menurut Fang Xiu (方修), Gerakan 4 Mei budaya politik China banyak mempengaruhi masyarakat penghijrah China di Tanah Melayu. Pada masa itu, kesusasteraan Mahua sebenarnya telah mencerminkan keadaan politik dan pemikiran arena sastera China. Walau bagaimanapun, karya sastera Mahua yang berunsur realisme mulai berwujud dalam karya tempatan untuk menggambarkan suasana hidup dan adat resam Tanah Melayu. Maka boleh dikatakan bahawa dalam perkembangan sastera Mahua, fokus persoalan dalam hasil karya sastera Mahua dari negara China ke Tanah Melayu mengalami proses peralihan.

Fang Beifang 方北方 (2009) dalam kajian kritikan sastera Mahua telah menjelaskan bahawa “sastera Mahua...selain menggunakan bahasa Cina sebagai media alat bertulis, yang lain seperti isi kandungan, perasaan dan pemikiran karya telah tidak mempunyai kaitan dengan China lagi.” Malah Meng Sha 孟沙 (1991), pengerusi Persatuan Penulis Cina Malaysia Ke-5 dengan jelasnya telah menyatakan

bahawa sastera Mahua telah melepaskan diri daripada sastera sampingan China pada tahun 30-40an dan terdapat isi kandungan yang menyebarkan identiti tempatan.

Ma Xiangwu 马相武 (1998) dalam kajian yang berjudul “*Pembentukan Tema Novel Mahua Kontemporari*” (当代马华小说的主体建构) telah memberi pandangan beliau tentang berlakunya peralihan fokus pembentukan identiti dari negara China ke Malaysia. Beliau menjelaskan bahawa “Semenjak sastera Mahua mula menggunakan ‘masa dan tempat ini’ sebagai latar belakang untuk membayangkan kehidupan pelbagai kaum, ini bermakna penulisan telah memiliki perwatakan unsur tempatan dan lama-kelamaan, keadaan ini akan membentuk sastera tradisional yang tersendiri. Penulis telah mencerminkan kehidupan kaum Cina dan proses bertoleransi antara kaum Cina dengan kaum-kaum lain. Kesedaran unsur tempatan sastera Mahua telah bergabung atau menyerap masuk semangat mencintai negara yang anti-imperialisme, kolonialisme, konservatisme serta anti-serangan dan desakan.”

1.2 Permasalahan kajian

Terdapat beberapa alasan akademik atau faktor penitng yang mendorong Tuo Ling dan Yun Lifeng dipilih sebagai sasaran kajian ini. Pertama, kedua-dua orang penulis tersebut pernah memenangi anugerah dan diberikan pengiktirafan tempatan serta antarabangsa dalam bidang sastera Mahua. Yun Lifeng telah memenangi Anugerah Sastera Mahua pada tahun 1995, “Anugerah Sastera Cina Asia Tenggara (S.E.A Write Award)” pada tahun 2002 dan “Anugerah Semangat Kesusasteraan” yang diberikan oleh Persatuan Penulis-Penulis Aliran Cina Malaysia pada tahun yang sama.

Manakala bagi Tuo Ling pula, beliau telah memenangi Anugerah Sastera ASEAN (ASEAN Literary Award) pada tahun 2004.

Terdapat pandangan pengkaji sastera Mahua terhadap karya cerpen Tuo Ling dan Yun Lifeng. Misalnya, Huang Houxing (2000:16) dalam kajiannya telah mengulas bahawa ‘cerpen-cerpen Tuo Ling telah memaparkan kesengsaraan dan bencana bagi golongan bawahan. Penulisan beliau telah meletupkan kemarahan yang tersimpan lama dalam hati para pembaca dan menaikkan semangat pembaca daripada kesusahan. Beliau telah mengemukakan hasratnya untuk menrevolusikan realiti melalui karyanya’.

Selain itu, menurut Xiao Mu Yu Wen 小木裕文 (2002), seorang pengkaji sastera Mahua berbangsa Jepun, “dari dulu hingga ke kini, ramai penulis Mahua yang muda telah menulis karya cerpen yang mempunyai corak identiti tempatan. Namun, saya berasa seolah-olah karya cerpen itu kurang menarik. Ini mungkin kerana oleh saya telah dipengaruhi oleh karya cerpen Tuo Ling. Justeru, saya telah menterjemahkan cerpen Tuo Ling yang berjudul ‘*Senja di Ladang Koko*’ 可可园里的黄昏 kepada bahasa Jepun dan menerbitkannya dalam majalah seni budaya dan sastera Jepun. Pada masa itu, terdapat reaksi yang amat positif di kalangan pencinta sastera Jepun dan juga pengkaji sastera. Mereka telah memberi penilaian yang tinggi kepada Tuo Ling. Mereka dapat memahami perbezaan antara sastera Cina Asia Tenggara dengan sastera Cina di Taiwan dan China ”. Menurut Wang Zhimu pula, tema penulisan dalam karya cerpen Tuo Ling adalah meluas, bahasanya adalah ringkas dan mudah difahami. Apa yang diungkapkan oleh beliau dalam cerpen adalah

bermakna dan dapat mencerminkan realiti hidup masyarakat umum (Wang Zhimu, 2002:1).

Menurut Fan Pik Wah (2011), terdapat pelbagai tema yang cuba dicerminkan oleh Yun Lifeng dalam karya cerpennya. Misalnya, sifat kemanusiaan dalam keadaan masyarakat yang kacau-bilau, isu pendidikan, persoalan perkauman dan sebagainya. Cerpen Yun Lifeng adalah berkait rapat dengan perkembangan masyarakat di Malaysia. Beliau telah mencatatkan proses 'survival' orang Cina di masyarakat ini secara ikhlas dan sensitif. Yun Lifeng berperanan menjadikan seni sastra itu sebagai seorang jurutera dari segi kerohanian. Pada pandangan beliau, seni sastra itu memainkan peranan yang penting untuk memaparkan realiti dan mengubahsuaikan fenomena masyarakat yang kurang sihat. Selain itu, Yun Lifeng juga merupakan penulis beraliran realisme di kalangan penulis-penulis Mahua yang menarik perhatian orang ramai. Beliau telah mencerminkan realiti hidup, mengkritik keadaan masyarakat semasa, menonjolkan fungsi kesusasteraan yang berkhidmat untuk masyarakat. (Chen Xianmao, 1994)

Menurut penulis China iaitu Gong Yurui 龚玉瑞 (1998), Yun Lifeng telah menceburi bidang sastra Mahua berpuluh-puluh tahun, beliau telah menghasilkan karya cerpen yang membedah fenomena masyarakat Cina di Malaysia yang sengsara dan menderita. Walaupun pada umumnya bahasa dan teknik penulisan yang digunakan adalah sederhana, tetapi terdapat makna tersirat dalam cerpen beliau yang boleh dicungkil secara mendalam. Yun Lifeng mempunyai kesedaran sosial yang tinggi, apa yang cuba disampaikan olehnya telah memberi kesan positif kepada para

pembaca. Gong berpendapat bahawa karya cerpen Yun Lifeng telah memaparkan realiti pelbagai kesengsaraan hidup masyarakat berasaskan ciri tradisi dan budaya masyarakat Cina tempatan. Menerusi cerpen, beliau mengkritik golongan atasan yang bersifat hipokrit dan menggambarkan dunia golongan atasan yang penuh dengan kekotoran.

Di samping itu, cerpen Yun Lifeng adalah berasaskan pelbagai perkara yang sekian lama berakar umbi dalam kehidupan masyarakat Cina di Malaysia. Kebanyakan cerpennya adalah memaparkan realiti hidup khalayak ramai. Beliau telah menonjolkan percintaan dan kebenciannya melalui penulisannya. Dengan merealisasikan misi dan tanggungjawab sebagai penulis yang berkhidmat untuk masyarakat, beliau mengkritik kejahilan masyarakat dan mewarisi serta menyebarkan semangat realisme dalam karyanya (Pan Yakan 潘亚瞰, 2002:113). Menurut pengkaji China Yu Qiqiang 余启锵, "...sebelum saya mengkaji membaca hasil karya Yun Lifeng, saya tidak sangka bahawa terwujudnya penulis realisme yang cemerlang dalam perkembangan sejarah sastera Mahua yang singkat. Setelah membaca karya Yun, barulah saya mengetahui sastera Mahua..." (Yu Qiqiang, 2002:120)

Jika melihat cerpen Yun Lifeng secara individual dengan menggunakan standard sastera Cina Seberang Laut, maka terdapat kelemahan dalam cerpennya sama seperti penulis yang lain. Jika meletakkan cerpen Yun bersama dengan cerpen penulis Mahua yang lain dalam lingkungan sastera Cina Seberang Laut, maka karya cerpen Yun Lifeng adalah luar biasa. (Shao Dehuai 邵德怀, 2002:121). Menurut tokoh sastera Mahua Fang Beifang (1983), Yun Lifeng mempunyai gaya tersendiri. Pada

awal 1980-an, jika membincangkan karya Yun Lifeng bersama-sama dengan karya Wei Yun, masih boleh mengetahui dan membezakan karya mereka walaupun tanpa menyebut nama mereka. Tema cerpen Yun Lifeng adalah jelas, realistik dan gaya penulisannya adalah cenderung kepada pencerminan kehidupan khalayak ramai.

Kedua-dua orang penulis veteran tersebut juga pernah memegang jawatan yang penting seperti pengerusi dan sebagainya di Persatuan Penulis-Penulis Aliran Cina. Ini menunjukkan mereka mempunyai prestij yang tinggi dalam bidang penulisan sastera Mahua di Malaysia. Mereka merupakan penulis yang prolific pada usia terbaik. Mereka lebih cenderung kepada penghasilan cerpen berbanding dengan penulisan genre yang lain. Misalnya, Yun Lifeng (1991) telah menyumbang besar dalam penghasilan buku yang bertajuk 'Wenyi Suotan' yang menyentuh dan mengulaskan topik-topik yang mengenai kepentingan sastera Mahua. Pelbagai pandangan, pengajaran dan cadangan yang dikemukakan oleh beliau kepada pencinta sastera Mahua yang terdiri daripada pembaca, pengkaji dan penulis. 'Wenyi Suotan' merupakan buku yang representatif kerana jarang terdapat buku-buku sebegini pada zaman penulisan beliau.

Memandangkan kedua-dua orang tokoh cerpenis tersebut mungkin tidak akan menerbitkan hasil karya cerpen yang banyak pada usia senja, oleh itu pengkaji mengambil peluang ini untuk mengumpul dan mengkaji kesemua karya cerpen mereka yang telah diterbitkan secara tuntas. Berdasarkan pelbagai pandangan yang diberikan oleh para pengkaji sastera Mahua, boleh diperhatikan bahawa kedua-dua penulis tersebut telah menonjolkan nilai belas kasihan dan perasaan kemanusiaan

dalam karya cerpen mereka. Tuo Ling dan Yun Lifeng bolehlah dipandang sebagai penulis aliran realisme, iaitu menghasilkan karya sastera yang mencerminkan realiti hidup masyarakat dan memainkan peranan sebagai pemangkin kemajuan satu-satunya masyarakat dalam sektor politik, ekonomi dan status sosial. Menerusi karya cerpen Tuo Ling dan Yun Lifeng, mereka telah berjaya menonjolkan keprihatinan mereka terhadap pelbagai kesulitan dan dilemma yang dihadapi oleh masyarakat Cina. Tuo Ling dan Yun Lifeng pernah menceburi bidang profesion perguruan. Mereka pernah menjadi guru dan pengetua sekolah di sekolah rendah Cina dan sekolah menengah jenis kebangsaan berpuluh-puluh tahun. Ini mungkin menyebabkan mereka banyak mencerminkan isu pendidikan menerusi perwatakan dan plot cerpen mereka, khasnya kepentingan penguasaan Bahasa Melayu dan betapa besar pengaruhnya terhadap nasib hidup masyarakat Cina yang mementingkan pendidikan. Dengan adanya anugerah, pengiktirafan, kajian-kajian lepas yang menyokongkan kepentingan karya cerpen Tuo Ling dan Yun Lifeng, maka kajian ini seharusnya perlu dijalankan.

1.3 Objektif kajian

1. Mengenal pasti dan meneliti persoalan dalam karya cerpen Mahua berdasarkan teori cerminan Georg Lukacs.
2. Menghubungkan persoalan dalam karya cerpen Mahua dengan realiti hidup dalam masyarakat.
3. Mengenal pasti pemikiran penulis dalam karya cerpen Mahua.

1.4 Soalan kajian

Kajian ini akan berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

1. Apakah persoalan dalam karya cerpen Mahua berdasarkan teori cerminan Georg Lukacs?
2. Apakah hubungan antara persoalan dalam cerpen Mahua dengan realiti hidup masyarakat Cina?
3. Apakah pemikiran penulis dalam karya cerpen Mahua?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini pada umumnya menyumbang kepada perkembangan bidang penulisan sastera Mahua di Malaysia. Kepentingan kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan meneliti realisme dalam karya cerpen Mahua Tuo Ling dan Yun Lifeng agar memberi sumbangan dalam penyelidikan yang akan datang. Ini disebabkan karya sastera realisme mempunyai nilai yang dapat mengatasi peralihan zaman. Terdapat banyak masalah kehidupan manusia tidak hanya berkaitan rapat dengan sistem masyarakat yang terwujud sahaja, maka ia berkait rapat dengan sifat kemanusiaan dan keadaan kehidupan manusia (human condition) secara umumnya. Justeru, keunggulan sesebuah hasil karya sastera yang kekal lama sekurang-kurangnya memaparkan persoalan-persoalan hidup manusia. Pengarang sama ada secara sedar atau tidak, menjadi agen perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam masyarakatnya. Lazimnya persoalan yang diungkapkan adalah menyentuh sosial dalam masyarakat

yang secara langsung berkaitan dengan kehidupan. Justeru, sastera adalah cerminan sosial dan seseorang pengarang itu akan menyuarakan hasrat dan suara daripada kelompok masyarakat.

Dapatan yang positif daripada kajian ini berfungsi untuk mendorong perkembangan sastera Mahua di Malaysia. Realisme dalam cerpen-cerpen bagi kedua-dua orang penulis iaitu Tuo Ling dan Yun Lifeng dapat dikenal pasti serta dianalisis melalui kajian ini. Penganalisan karya cerpen dua penulis Mahua tersebut telah mencerminkan realiti hidup dalam masyarakat di Malaysia dari aspek budaya, pendidikan, ekonomi dan politik. Didapati bahawa budaya merupakan aspek yang paling banyak diutamakan. Manakala persoalan politik adalah aspek yang paling sedikit dicerminkan dalam cerpen mereka. Ini mungkin disebabkan isu-isu politik yang sensitif tidak mudah disentuh oleh penulis Mahua. Daripada perbandingan persoalan kedua-dua penulis tersebut, dapat disimpulkan bahawa sebagai penulis realisme, pengisahan mereka memperlihatkan ciri-ciri persamaan di samping perbezaan secara keseluruhan. Mereka berjaya mencerminkan pelbagai permasalahan dan liku-liku hidup yang dialami oleh masyarakat Cina umum seperti isu-isu pendidikan, pelbagai gejala sosial yang dihadapi oleh masyarakat Cina dan sebagainya, khususnya mereka yang terdiri daripada golongan yang tidak terbela nasib. Tanpa penghasilan karya-karya realisme mereka dan penulis-penulis Mahua yang lain, sastera Mahua tidak mungkin wujud sejak tahun 20-an dan berkembang sehingga abad ke-21. Justeru, Tuo Ling dan Yun Lifeng telah menyumbang kepada penulisan dan perkembangan sastera Mahua melalui penciptaan karya-karya yang bertemakan realisme yang mencerminkan budaya masyarakat Cina sejak 50-an dan selepasnya.

Kajian ini diharapkan dapat memberi rujukan yang bermanfaat kepada para pengkaji sastera Mahua atau bagi pengkaji yang berminat dalam bidang kajian yang tertentu, khususnya bagi mereka yang berminat untuk menjalankan kajian sastera perbandingan atau sastera antara etnik. Diharapkan agar kajian ini dapat memberikan serba sedikit inspirasi dan idea-idea yang berguna.

Selain itu, kajian ini cuba memulihkan kehormatan bagi penulis-penulis veteran yang dikritik oleh para penulis atau pengkritik moden yang merendahkan sumbangan karya sastera aliran realisme. Bagi golongan penulis aliran modenisme, mereka melihat permasalahan sastera aliran realisme mempunyai permasalahan yang berpunca daripada kesempitan tema dan pemikiran dalam karya serta mengabaikan faktor diksi, langgam bahasa, bentuk, dan teknik penceritaan. (Wen Renping, 1981:198) Menurut Wen Renping, “Daripada beberapa karya aliran realisme, apa-apa yang dapat ditanggapi bukanlah citra sastera yang berdarah dan berjasad, sebaliknya ialah tulisan-tulisan proganda yang sarat dengan gelegak rasa dan sorak-tempik berkobar-kobar.” (Wen Renping, 1981:198)

Penulis-penulis moden sering mengkritik golongan penulis veteran terlalu mementingkan unsur-unsur realisme dan mengabaikan gaya penulisan yang berunsur estetik dalam karya sastera mereka. Walau bagaimanapun, pengkritik sastera Mana Sikana berpendapat bahawa sastera sebagai cermin masyarakat, cermin budaya dan cermin sejarah (Mana Sikana, 1998). Oleh itu, para penulis veteran hanya menulis dan memaparkan persoalan yang benar-benar berlaku dan berkait rapat dengan enviromen mereka secara ikhlas. Khayalan dan imaginasi yang terlalu kaya akan mendorong